



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KAEDAH PEMBELAJARAN AKIDAH DAN PENGHAYATAN AKIDAH DALAM KALANGAN PELAJAR TINGKATAN ENAM DI SMKA DI NEGERI PERAK



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

NUR SHAHIRA BINTI MOHD SUKRAN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**KAEDAH PEMBELAJARAN AKIDAH DAN PENGHAYATAN AKIDAH
DALAM KALANGAN PELAJAR TINGKATAN ENAM DI SMKA DI NEGERI
PERAK**

NUR SHAHIRA BINTI MOHD SUKRAN

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN ISLAM)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2024

UPS/IPS-3/BO 32
Print 00 m/s 1/1

Sila tanda (✓)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada ...09...(hari bulan).....01..... (bulan) 20...24..

i. Perakuan pelajar :

Saya, NUR SHAHIRA BINTI MOHD SUKRAN (SILA
NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa
disertasi/tesis yang bertajuk KAEDAH PEMBELAJARAN AKIDAH DAN PENGHAYATAN AKIDAH
DALAM KALANGAN PELAJAR TINGKATAN ENAM DI SMKA DI NEGERI PERAK

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana
hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi
maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula
daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan
dengan se jelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar



05-45068

ptbupsi

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, DR. NORHISHAM BIN MUHAMAD (NAMA PENYELIA) dengan ini
mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk KAEDAH PEMBELAJARAN
AKIDAH DAN PENGHAYATAN AKIDAH DALAM KALANGAN PELAJAR
TINGKATAN ENAM DI SMKA DI NEGERI PERAK

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut
Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah
SARJANA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN ISLAM) (SILA NYATAKAN NAMA
IJAZAH).

10/01/2024

Tarikh

Tandatangan Penyelia
PROF. Madya DR. NORHISHAM BIN MUHAMAD
Jabatan Pengajian Islam
Fakulti Sains Kemanuslaan
Universiti Pendidikan Sultan Idris



UPSI/IPS-3/BO 31
Pind.: 01 m/s: 1/1
**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**
**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: KAEDAH PEMBELAJARAN AKIDAH DAN PENGHAYATAN AKIDAH DALAM
KALANGAN PELAJAR TINGKATAN ENAM DI SMKA DI NEGERI PERAK

No. Matrik / Matric's No.: M20182002000
Saya / I: NUR SHAHIRA BINTI MOHD SUKRAN

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

☒ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: 10/01/2024

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

PROF. Madya DR. NORHISHAM BIN MUHAMMAD
Jabatan Pengajian Islam
Fakulti Sains Kemanusiaan
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur kepada Allah SWT yang telah memberikan taufik dan hidayah-Nya di atas nikmat yang diberikan kepada semua makhluknya. Selawat dan salam ke atas junjungan Rasulullah SAW serta keluarga dan sahabat baginda. Syukur ke hadrat ilahi dengan izinNya disertasi yang bertajuk **“Kaedah Pembelajaran Akidah dan Penghayatan Akidah dalam Kalangan Pelajar Tingkatan Enam di SMKA di Perak”** ini berjaya disiapkan.

Setinggi penghargaan diucapkan khas kepada penyelia saya Dr. Norhisham bin Muhamad dan semua pensyarah-pensyarah di Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris di atas segala tunjuk ajar dan nasihat dalam proses kajian ini disiapkan.

Penghargaan juga diberikan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia dan Kementerian Pelajaran Perak kerana memberi persetujuan untuk saya menjalankan kajian di sekolah di bawah kementerian.

Jutaan penghargaan juga ditujukan kepada seluruh ahli keluarga saya terutamanya ibu dan ayah yang banyak berkorban masa dan membantu memberikan sokongan yang penuh samasa dalam pengajian.

Seterusnya penghargaan diberikan kepada pihak sekolah dan kaki tangan serta pelajar-pelajar yang terlibat ketika proses kajian dilaksanakan.

Ucapan penghargaan diberikan kepada rakan-rakan seperjuangan yang sama-sama membantu memberikan semangat untuk meneruskan pengajian sehingga tamat.

Akhir sekali, ucapan terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penyediaan disertasi ini.

Sekian, terima kasih.



ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bertujuan mengenal pasti kaedah pembelajaran Akidah dan penghayatan Akidah dalam kalangan pelajar tingkatan enam di SMKA di negeri Perak. Kajian ini juga menjelaskan hubungan di antara kaedah pembelajaran Akidah dan penghayatan Akidah pelajar. Kajian ini memfokuskan kepada tiga aspek kaedah pembelajaran akidah iaitu kaedah bertahap, kaedah pengulangan dan kaedah latihan berdasarkan model kaedah pembelajaran Ibnu Khaldun. Reka bentuk yang digunakan dalam kajian ini adalah dengan pendekatan kuantitatif. Pembinaan instrumen kajian adalah berdasarkan adaptasi dan diubahsuai daripada soal selidik kajian terdahulu dan telah melalui proses pengesahan pakar. Pemilihan subjek kajian dijalankan melibatkan 31 orang pelajar tingkatan enam yang mengambil mata pelajaran Akidah di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di Perak. Kebolehpercayaan instrumen soal selidik adalah tinggi berdasarkan pekali *Alpha Cronbach* $\alpha = 0.99$. Data dianalisis dengan menggunakan analisis deskriptif yang menjelaskan kaedah pembelajaran Akidah dan tahap penghayatan Akidah pelajar, serta analisis inferensi yang melibatkan ujian-t, ANOVA dan ujian korelasi Pearson yang menerangkan hubungan antara pemboleh ubah kajian. Hasil dapatan kajian keseluruhannya menunjukkan bahawa kaedah pembelajaran Akidah pelajar pada tahap yang tinggi (min=4.26, s.p=0.76) manakala tahap penghayatan Akidah pelajar juga berada pada tahap tinggi (min=4.65, s.p=0.73). Analisis korelasi Pearson pula menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara kaedah pembelajaran Akidah dan penghayatan Akidah pelajar. Implikasi kajian ini menunjukkan kaedah pembelajaran Akidah yang digunakan oleh pelajar dan tahap penghayatan Akidah pelajar adalah baik walaupun terdapat sebilangan kecil pelajar yang masih kurang mempraktikkan kaedah pembelajaran Akidah yang betul serta kurang penghayatan Akidah dalam diri mereka.



AQIDAH LEARNING METHODS AND INTERNALIZATION OF AQIDAH AMONG FORM SIX STUDENTS AT SMKA IN PERAK

ABSTRACT

This study was conducted to identify the method of learning Aqidah and the appreciation of Aqidah among form sixth students at SMKA in Perak. This study also explains the relationship between the learning method of Aqidah and students' appreciation of Aqidah. This study focus on three aspects of the learning method of Aqidah, there are the gradually method, the repetition method and the training method based on Ibn Khaldun's learning method model. The design used in this study is a quantitative approach. The construction of the research instrument is based on adaptation and modification from previous research questionnaires and has gone through the expert verification process. The selection of research subjects was carried out involving 31 form sixth students who took the subject of Aqidah at the Secondary School of Religion in Perak. The reliability of the questionnaire instrument is high based on Cronbach's Alpha coefficient $\alpha = 0.99$. The data was analyzed using descriptive analysis that explained the learning method of Aqidah and the level of students appreciation of Aqidah, as well as inferential analysis involving t-tests, ANOVA and Pearson's correlation tests that explained the relationship between the study variables. The results of the study as a whole show that the students' learning method of Aqidah is at a high level (mean=4.26, s.p=0.76) while the students' level of appreciation of Aqidah is also at a high level (mean=4.65, s.p=0.73). Pearson's correlation analysis shows that there is a significant relationship between the method of learning Aqidah and students' appreciation of Aqidah. The implications of this study show that the Aqidah learning method used by students and the students' level of understanding of the Aqidah is good even though there are a small number of students who still lack the correct Aqidah learning method and lack of appreciation of the Aqidah in themselves.

KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENGHANTARAN DISERTASI/TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv
SENARAI LAMPIRAN	xvi
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Pernyataan Masalah	5
1.4 Objektif Kajian	8
1.5 Persoalan Kajian	8
1.6 Hipotesis Kajian	9
1.7 Kerangka Teori Kajian	10
1.8 Kerangka Konseptual Kajian	12

1.9	Definisi Operasional	13
1.9.1	Kaedah Pembelajaran	13
1.9.2	Penghayatan Akidah	14
1.9.3	Pelajar Tingkatan Enam SMKA	15
1.10	Batasan Kajian	15
1.11	Kepentingan Kajian	16
1.12	Rumusan	17

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	18
2.2	Kaedah Pembelajaran Akidah	18
2.2.1	Kaedah Bertahap (<i>Tadarruj</i>)	21
2.2.2	Kaedah Pengulangan (<i>Tikrar</i>)	23
2.2.3	Kaedah Latihan (<i>Tadrib</i>)	25
2.3	Penghayatan Akidah	27
2.3.1	Beriman Kepada Allah SWT	29
2.3.2	Beriman Kepada Malaikat	30
2.3.3	Beriman Kepada Rasul	32
2.3.4	Beriman Kepada Kitab	33
2.3.5	Beriman Kepada Hari Kiamat	34
2.3.6	Beriman Kepada Qada' Dan Qadar	35
2.4	Kajian-kajian Lepas	37
2.5	Rumusan	40

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pendahuluan	41
3.2	Reka Bentuk Kajian	41
3.3	Lokasi Kajian	42
3.4	Populasi	43
3.5	Sampel Dan Kaedah Persampelan	43
3.6	Prosedur Kajian	43
3.7	Instrumen Kajian	44
3.7.1	Soal Selidik	44
3.7.2	Skala Jawapan Responden	45
3.8	Kesahan Dan Kebolehpercayaan Instrumen	45
3.8.1	Kesahan Kandungan	45
3.8.2	Kajian Rintis	46
3.8.3	Nilai Kebolehpercayaan Instrumen	46
3.8.4	Kebolehpercayaan Soal Selidik Pelajar	46
3.9	Tatacara Pengumpulan Data	46
3.9.1	Sebelum Proses Pengumpulan Data	47
3.9.2	Semasa Proses Pengumpulan Data	47
3.9.3	Selepas proses Pengumpulan Data	47
3.10	Tatacara Penganalisan Data	48
3.10.1	Analisis Deskriptif	48
3.10.2	Analisis Inferensi	49
3.11	Rumusan	51

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	52
4.2	Profil Sampel Kajian	53
4.3	Kebolehpercayaan Data Sebenar	56
4.4	Analisis Deskriptif	56
4.4.1	Kaedah pembelajaran Akidah	57
4.4.2	Tahap Penghayatan Akidah	62
4.5	Analisis Inferensi Ujian T dan Anova	70
4.5.1	Perbezaan Kaedah Pembelajaran Akidah Dan Penghayatan Akidah Dalam Kalangan Pelajar Berdasarkan Jantina	70
4.5.2	Perbezaan Kaedah Pembelajaran Akidah Dan Penghayatan Akidah Dalam Kalangan Pelajar Berdasarkan Tempat Tinggal	72
4.5.3	Perbezaan Kaedah Pembelajaran Akidah Dan Penghayatan Akidah Dalam Kalangan Pelajar Berdasarkan Keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) Dalam Matapelajaran Pendidikan Syariah Islamiah, Pendidikan Al-Quran Dan Al-Sunnah dan Tasawwur Islam	73
4.5.4	Perbezaan Kaedah Pembelajaran Akidah Dan Penghayatan Akidah Dalam Kalangan Pelajar Berdasarkan Minat Pelajar Dalam Matapelajaran Akidah	76
4.5.5	Perbezaan Kaedah Pembelajaran Akidah Dan Penghayatan Akidah Dalam Kalangan Pelajar Berdasarkan Dorongan Ahli Keluarga	77
4.5.6	Rumusan Analisis Perbezaan	79
4.6	Analisis Inferensi Ujian Korelasi	80
4.7	Rumusan	81

BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pendahuluan	82
5.2	Ringkasan Kajian	82
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	84
5.3.1	Analisis Deskriptif	84
5.3.2	Analisis Inferensi	88
5.4	Implikasi Kajian	91
5.5	Cadangan	91
5.6	Kajian Lanjutan	92
5.7	Rumusan	94
	RUJUKAN	95

**SENARAI JADUAL**

No. Jadual		Muka Surat
3.1	Struktur Soal Selidik Kajian	44
3.2	Interpretasi Skor Min	49
3.3	Kekuatan Hubungan Mengikut Nilai Pekali Korelasi	50
4.1	Latar Belakang Demografi Sampel Kajian	53
4.2	Pekali Alfa Cronbach Kaedah Pembelajaran Akidah dan Penghayatan Akidah	56
4.3	Skor Min, Sisihan Piawai Dan Interpretasi Kaedah Pembelajaran Akidah dan Penghayatan Akidah	57
4.4	Kaedah Bertahap	58
4.5	Kaedah Pengulangan	59
4.6	Kaedah Latihan	61
4.7	Penghayatan Akidah Terhadap Keimanan Kepada Allah SWT	62
4.8	Penghayatan Akidah Terhadap Keimanan Kepada Malaikat	64
4.9	Penghayatan Akidah Terhadap Keimanan Kepada Kitab	65
4.10	Penghayatan Akidah Terhadap Keimanan Kepada Nabi dan Rasul	66
4.11	Penghayatan Akidah Terhadap Keimanan Kepada Hari Akhirat	68
4.12	Penghayatan Akidah Terhadap Keimanan Kepada Qadak dan Qadar	69



4.13	Ujian T Kaedah Pembelajaran Akidah dan Penghayatan Akidah dalam Kalangan Pelajar Berdasarkan Jantina	71
4.14	Ujian T Kaedah Pembelajaran Akidah dan Penghayatan Akidah dalam Kalangan Pelajar Berdasarkan Tempat Tinggal	72
4.15	Anova Kaedah Pembelajaran Akidah dan Penghayatan Akidah dalam Kalangan Pelajar Berdasarkan Keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) Dalam Matapelajaran Pendidikan Syariah Islamiah, Pendidikan Al-Quran Dan Al-Sunnah Dan Tasawwur Islam	74
4.16	Anova Penghayatan Akidah Dalam Kalangan Pelajar Berdasarkan Keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) Dalam Matapelajaran Pendidikan Syariah Islamiah, Pendidikan Al-Quran Dan Al-Sunnah Dan Tasawwur Islam	74
4.17	Post-Hoc Scheffe Kaedah Pembelajaran Akidah Dalam Kalangan Pelajar Berdasarkan Keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) Dalam Matapelajaran Pendidikan Al-Quran Dan Al-Sunnah	75
4.18	Post-Hoc Scheffe Penghayatan Akidah Dalam Kalangan Pelajar Berdasarkan Keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) Dalam Matapelajaran Pendidikan Al-Quran Dan Al-Sunnah	75
4.19	Ujian T Kaedah Pembelajaran Akidah Dan Penghayatan Akidah Dalam Kalangan Pelajar Berdasarkan Minat Pelajar Dalam Matapelajaran Akidah	76
4.20	Ujian T Kaedah Pembelajaran Akidah Dan Penghayatan Akidah Dalam Kalangan Pelajar Berdasarkan Dorongan Ahli Keluarga	78
4.21	Hasil Analisis Inferensi Ujian T Dan Anova	79
4.22	Hubungan Di Antara Kaedah Pembelajaran Akidah Dan Penghayatan Akidah	80

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Model Kaedah Pembelajaran Ibnu Khaldun	11
1.2	Kerangka Konseptual Kajian	13

SENARAI SINGKATAN

AS	Alaihi Salam
ASWJ	Ahl-Sunnah Wa Al-Jamaah
CGPA	Cumulative Grade Point Average
FSK	Fakulti Sains Kemanusiaan
IPT	Institusi Pengajian TinggiAwam
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
MPM	Majlis Pepereksaan Malaysia
PPK	Pengetahuan Pedagogikal Kandungan
PQS	Pendidikan Al-Quran Dan Al-Sunnah
PSI	Pendidikan Syariah Islamiah
SAW	Shallallahu Alaihi Wasallam
SMKA	Sekolah Menengah Kebangsaan Agama
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SPSS	Statistical Packages For The Social Science
STPM	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
SWT	Subhanahu Wa Taala

SENARAI LAMPIRAN

- A Perakuan Keaslian Penulisan
- B Borang Pengesahan Penyerahan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek
- C Borang Soal Selidik
- D Kelulusan Kementerian Pendidikan Malaysia
- E Kelulusan Jabatan Pendidikan Negeri Perak

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Akidah merujuk kepada kepercayaan di dalam hati di mana ia perlu di tanam di dalam diri setiap mukmin. Ia memerlukan kefahaman dan penghayatan yang mendalam. Ini kerana Akidah merupakan asas kepada agama Islam iaitu, keyakinan dan kepercayaan manusia terhadap Allah SWT. Sebagai tunjang dalam ilmu lain, ilmu Akidah memainkan peranan yang penting dalam usaha mempelajari sesuatu bidang ilmu. Hal ini dapat dilihat pada zaman Rasulullah s.aw, ilmu Akidah telah diajar terlebih dahulu pada awal dakwah baginda. Ia bertepatan dengan firman Allah SWT dalam surah al-Bayyinah, 98: 6 yang memberi bermaksud:

“Dan mereka tiadalah disuruh melainkan supaya menyembah Allah serta mengikhlaskan agama bagi-Nya (beribadah mengharapkan keredaan-Nya) sambil cenderung kepada Tauhid.”

(Salleh, 2013)



Kaedah pembelajaran Akidah perlu dititik beratkan dalam pendidikan. Ia merupakan salah satu cara untuk mencapai matlamat dalam pendidikan. Keberkesanan kaedah pembelajaran ini dilihat dengan kefahaman dan penghayatan pelajar semasa menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran. Hal ini membolehkan pelajar memahami, merasai, menghayati, menguasai dan mengamalkan perkara yang mereka pelajari. Dalam kaedah pembelajaran ini, pelajar bebas melakukan sebarang aktiviti pembelajaran dengan mengambil kira kemahiran dan keperluan pelajar terhadap sesuatu pendidikan. Antaranya melakukan latihan, pembelajaran sendiri, perbincangan kumpulan, nota pelajar, hafalan dan praktikal. (Salleh, 2013)

Akidah merupakan salah satu cabang dalam Pendidikan Islam dimana dalam Pendidikan Islam, pembelajaran Akidah adalah merangkumi kefahaman terhadap asas Akidah Islam seperti rukun Islam dan rukun iman (Syarul Azman Shaharuddin, 2018). Dalam mempelajari Akidah, pembelajaran yang berkesan bukan hanya memperolehi pengetahuan atau kemahiran sahaja, tetapi dapat mempengaruhi kehidupan pelajar kearah yang lebih baik. Disamping pelajar diterapkan dengan asas keimanan dengan meyakini enam prinsip rukun iman iaitu, keimanan kepada Allah SWT, keimanan kepada malaikat, keimanan kepada pada rasul, keimanan kepada kitab, keimanan kepada hari kiamat dan keimanan kepada Qada' dan Qadar. Hal ini seperti firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah, 2: 285 yang membawa maksud:

“Beriman kepada rasul dengan apa yang diturunkan kepadanya daripadaTuhannya. Demikian juga orang mukmin semuanya percaya kepada Allah, malaikat, kitab suci dan kepada para rasul.

(Mohd Shafiee bin Hamzah, 2015)

Selain itu, dari sudut pendidikan negara pula terdapatnya unsur Akidah di dalam Falsafah Pendidikan Negara. Unsur Akidah yang terdapat dalam Falsafah Pendidikan Negara iaitu, merujuk kepada frasa *“berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan”* jelas menunjukkan dasar pendidikan di Malaysia didasari atau dipengaruhi oleh Akidah Islam (Mohd Shafiee bin Hamzah, 2015). Hal ini jelas menunjukkan bahawa Akidah merupakan asas kepada pendidikan di Malaysia.





Disamping itu, pembelajaran Akidah merupakan salah satu dari sukatan pelajaran iaitu dalam matapelajaran Usuluddin di peringkat Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dalam kalangan pelajar tingkatan enam. Sukatan pelajaran tersebut telah digubal semula dan diguna pakai pada tahun 2012. Ia telah dilakukan oleh Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) terhadap sistem peperiksaan STPM. Melalui sistem tersebut, terdapat tiga penggal yang diwujudkan dan setiap penggal akan ada peperiksaan. Tujuan utama MPM adalah untuk memperbaiki corak pengajaran dan pembelajaran di tingkatan enam supaya setanding di peringkat kolej dan universiti. Antara sukatan pelajaran yang terdapat di peringkat prauniversiti atau tingkatan enam ini adalah tentang Ilmu Tauhid, Ilmu Mantik, Pemikiran Akidah Islam, Ulum al-Quran dan Ulum al-Hadith. (MPM, 2012)

1.2 Latar Belakang Kajian

Akidah merupakan isu yang penting yang banyak dibincangkan dalam agama Islam. Kedatangan Islam dengan membawa aqidah Islam, mendorong umat manusia beralah kepada penyembahan berhala kepada meng-Esakan Allah SWT. Disamping itu, dengan adanya Akidah Islam, umat manusia bebas daripada kebergantungan kepada apapun seterusnya hanya tunduk kepada Allah SWT. Penyerapan Akidah dalam diri umat manusia telah dilakukan dari zaman Rasulullah SAW lagi iaitu, hanya sebahagian kecil mampu membebaskan diri dari amalan atau budaya nenek moyang mereka menuju keyakinan kepada kekuasaan Allah SWT. Ini kerana semua utusan Allah SWT, iaitu para nabi dan rasul telah menyampaikan satu keyakinan yang sama iaitu, tiada Tuhan yang disembah selain Allah SWT. (Nashrullah, 2017)

Islam meletakkan Akidah sebagai asas kepada akhlak, ekonomi mahupun politik. Kepentingan Akidah telah ditunjukkan sendiri oleh baginda nabi Muhammad SAW ketika baginda berada di Makkah selama tiga belas tahun dengan tujuan mendidik dan menyampaikan Akidah tauhid kepada kaum disana. Hasilnya baginda SAW telah berjaya membentuk satu generasi yang beriman dan berpegang teguh kepada kebenaran agama Islam. Mereka telah berpaling dari penyembahan berhala dan menerima ajaran Akidah yang satu iaitu beriman kepada Allah SWT. Selain itu, Sayyid Sabiq, 2011



menjelaskan dengan adanya Akidah dalam diri manusia, ia mampu membantu memperbaiki akhlak manusia. (Makhtar, 2017)

Asas pegangan Akidah umat Islam yang mantap di Malaysia adalah berdasarkan aliran Ahl-Sunnah wa al-Jama'ah (ASWJ) dan majoriti daripadanya mengikuti mazhab Shafi'e yang telah diyakini dan diamalkan sejak dahulu lagi. Ini kerana Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan di Malaysia telah menetapkan hanya pegangan agama ASWJ dan mazhab Shafi'e sahaja diterima pakai di negara ini. Pegangan ASWJ terkenal dalam kalangan para sahabat, para al-tabiin dan dan ulama' mujtahidin yang berpegang dengan kitab Allah SWT dan sunnah Rasulullah SAW serta pengikut-pengikut mereka sehingga hari kiamat. Selain itu, kemunculan istilah ASWJ dalam akademik juga disebabkan muncul al-Imam Abu al-Hasan Asy'ari iaitu pengasas mazhab Asya'irah yang menolak beberapa fahaman Muktazilah yang menggunakan akal sebagai hujah utama terhadap perkara-perkara yang memerlukan kepada penjelasan yang betul berpandukan al-Quran dan al-Sunnah. Oleh yang demikian, asas kekuatan pegangan Akidah umat Islam di Malaysia adalah disebabkan pengajaran Akidah yang berasaskan mazhab al-Asya'irah. (Hamat, 2008)

Setelah kedatangan Islam di Malaysia, pengajian Akidah di pondok, masjid dan madrasah serta institusi-institusi pendidikan yang lain sangat dititik beratkan. Ini kerana Akidah merupakan akar kepada agama Islam itu sendiri. Bermulanya kepercayaan yang mantap kepada Allah SWT dapat membimbing manusia ke jalan yang benar. Di Malaysia, aliran seperti Islam Liberal, Syiah dan Wahabi turut berkembang selain daripada aliran al-Asya'irah. Walaubagaimanapun aliran al-Asya'irah yang menjadi dasar ASWJ. Disamping itu, Akidah tauhid sebagai konsep teologi menjadi dasar bagi sistem ajaran Islam. Pengajian Akidah juga memberi penekanan memupuk nilai-nilai Islam agar terbit perlakuan yang mulia dari dalam diri setiap manusia yang memiliki pegangan Akidah yang kuat. (Hamat, 2008)

Kurikulum Pendidikan Akidah di Malaysia adalah sebahagian daripada kurikulum Pendidikan Islam yang wajib dipelajari. Ia dipelajari daripada peringkat rendah sehingga peringkat tinggi iaitu pada peringkat prasekolah yang terdiri daripada kanak-kanak berumur 4 hingga 6 tahun, sekolah rendah bagi kanak-kanak berumur 7



sehingga 12 tahun dan sekolah menengah yang berumur 13 sehingga 17 tahun. Selain itu, pada peringkat pra-siswazah iaitu yang berumur 18 dan 19 tahun dan peringkat universiti berumur 20 sehingga 24 tahun (Hossain Baharun, 2014)

Kajian ini memfokuskan kepada pelajar pra-siswazah atau tingkatan enam di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di Perak iaitu yang berumur 18 tahun khususnya. Hal ini kerana, kajian ingin melihat tahap penghayatan akidah pelajar selama mereka mempelajarinya bermula di sekolah rendah sehingga masuk sekolah menengah.

1.3 Pernyataan Masalah

Kaedah pembelajaran yang tidak berkesan dan efektif boleh memberi kesan kepada pencapaian pelajar terutamanya dari sudut kefahaman mereka dalam sesuatu pelajaran. Hal ini terutamanya dalam kurikulum pendidikan Islam seperti Akidah khasnya. Ia memerlukan kepada kefahaman dan penghayatan yang mendalam supaya masalah keruntuhan akhlak yang berleluasa kini dapat dihindari. Hal ini dapat dilihat ramai umat Islam hari ini hanyut disebabkan pengaruh isu-isu semasa yang menjadi viral di laman sesawang. Ia berpunca daripada kurangnya penekanan terhadap asas agama iaitu pendidikan Akidah (Makhtar, 2017).

Pembelajaran akidah pada hari ini banyak tertumpu atau fokus kepada kuliah semata-mata (Yusuf, 2001; Abdul Halim dan Khadijah, 2003; Ahmad Munawar, 2009). Kesannya, kaedah pengajian akidah pada hari ini tidak mencapai matlamat yang mampu dihayati dan didalami dalam diri pelajar (Wan Mohd Nor, 1989). Hal ini selari dengan al-Banna (1979) yang menyatakan kepercayaan lama iaitu melalui kaedah hafalan tidak akan membawa apa-apa erti jika manusia ragu-ragu dan tidak benar-benar memahaminya. Sebaliknya kaedah pemerhatian dan pengamalan akan menjadikan diri mereka lebih faham dan yakin akan ilmu yang dipelajari (Ali, 2013).

Kajian yang dijalankan oleh Ab. Halim dan Khadijah (2003) mendapati pelajar yang mengambil matapelajaran agama hanya cenderung belajar untuk lulus dalam





peperiksaan sahaja. Oleh yang demikian, masalah gejala sosial akan meningkat disebabkan kurangnya penghayatan Akidah dalam kehidupan pelajar (Hashim N. I., 2016). Masalah ini disokong oleh kajian daripada Mohamad Maliki Ali (2010) yang menjelaskan bahawa kaedah hafalan tanpa memahami masih digunakan dalam kalangan pelajar dan meramal topik-topik yang akan keluar semasa peperiksaan tanpa membuat analisis soalan-soalan lepas.

Yahya (2004) golongan remaja yang terikut dengan aktiviti-aktiviti yang tidak berfaedah boleh merosakkan Akidah. Ia ada dibincangkan dalam faktor-faktor kurangnya penghayatan Akidah dalam kalangan pelajar (Norsaleha Mohd Salleh, 2013). Selain menghindari aktiviti-aktiviti yang menjerumus kepada kerosakan Akidah, kefahaman dan pengamalan Akidah yang cukup perlu dititik beratkan terutamanya oleh pelajar. Kefahaman kepada asas akidah juga masih membelenggu pelajar kerana terdapat sesetengah pelajar yang masih keliru seperti jumlah rukun Islam dan rukun Iman seterusnya menjadikan mereka lalai dalam kehidupan dan hanya mementingkan keseronokan semata-mata. Hal ini menyebabkan pengamalan dan penghayatan akidah yang kurang dan tidak konsisten yang hanya dilakukan pada masa-masa tertentu seperti berpuasa hanya di bulan Ramadan sahaja.

Berdasarkan kajian Khairul Hamimah (2014) dalam penghayatan Akidah dalam kalangan remaja mendapati Akidah sebahagian pelajar masih belum benar-benar mantap dan keimanan mereka masih lagi goyah. Hal ini disebabkan oleh budaya barat yang sukakan keseronokan yang semakin berleluasa dan sukar dibendung lagi seterusnya ditambah pula oleh media massa dan lawan sesawang. Pelajar lebih mudah dipengaruhi dengan hal-hal keseronokan berbanding ilmiah. Mereka juga kurang kesedaran tentang kepentingan akidah dalam kehidupan yang mampu membawa kepada kebahagiaan yang hakiki.

Matlamat kurikulum Pendidikan Islam khususnya Akidah dalam membentuk pelajar yang soleh disamping menjadikan seseorang pelajar itu bukan sahaja cemerlang dalam akademik malah dari aspek kerohanian. Menerusi kajian Jamaludin Zainal (2016) mendapati ramai pelajar mencatat keputusan cemerlang dalam akademik tetapi tidak dalam konteks amalan, akhlak dan penghayatan ilmu dalam kehidupan. Ia





menunjukkan ilmu pengetahuan yang diperolehi kurang dimanfaatkan oleh pelajar dalam kehidupan. Hal ini pelajar hanya menggunakan pengetahuan yang dipelajari untuk mereka menghadapi peperiksaan sahaja dan kurang mengamalkannya dalam kehidupan mereka kerana mereka kurang didedahkan dengan keadaan diluar terutamanya dalam masalah akidah dalam kalangan masyarakat.

Melalui kajian Asjad Mohamed (2013) menerusi kefahaman dan amalan dalam berakidah: kajian terhadap pelajar diploma semester akhir, UiTM Pahang mendapati beberapa asas akidah menjadi kelemahan sesetengah pelajar seperti persoalan jumlah rukun iman. Beliau juga berpendapat antara faktor kelemahan akidah pelajar adalah pengurangan aktiviti dakwah yang tidak konsisten iaitu hanya dijalankan secara bermusim terutamanya di sekolah-sekolah mahupun pada tahap di institusi-institusi pengajian tinggi (IPT) terutamanya semasa zaman kini yang mudah dan banyak terdedah dengan pemikiran-pemikiran dan ajaran-ajaran yang berbagai. Selain itu, pada era dunia pesat membangun dengan adanya talian komunikasi seperti media sosial juga berpotensi sebagai penyumbang pembawakan aliran-aliran luar yang berkemungkinan bercanggah dengan ajaran agama Islam. Hal ini kerana pada masa kini kesemua maklumat dapat diperolehi di hujung jari sahaja, ia bergantung pada kekuatan iman dalam diri seseorang itu untuk menentukannya sama ada ia adalah benar ataupun salah.

Kajian Syazana Md Yusof dan Hafizhah Zulkifli (2023) dalam isu kefahaman pelajar terhadap konsep asas akidah di sekolah menengah menjelaskan pelajar mengalami kesukaran dalam memahami bidang akidah menjadi isu utama dalam pembelajaran akidah. Tambahan lagi, penggunaan tulisan jawi dalam matapelajaran Pendidikan Islam disekolah memburukkan lagi pemahaman pelajar terhadap pembelajaran akidah. Perkara ini telah disokong dalam kajian Nik Rosila Nik Yaacob (2007) yang dijalankan terhadap pelajar di sekolah menengah, hasil rumusan menunjukkan bahawa pelajar yang lemah dalam membaca buku teks Pendidikan Islam dalam tulisan Jawi adalah kerana penguasaan yang lemah terhadap tulisan Jawi justeru mengakibatkan pelajar tidak dapat memahami teks yang dibaca dengan baik. Hal ini sekaligus memberi kesan kepada minat pelajar serta pencapaian mereka.





Menurut Annasai (2020) pelajar yang tidak mempunyai kefahaman dan penghayatan agama yang baik menjurus kepada masalah disiplin. Hal ini demikian, pelajar tidak mampu menghayati dan menggunakan ilmu yang dipelajari dalam kehidupan seharian walaupun mereka mendapat keputusan yang baik dalam peperiksaan. (Syazana, 2023)

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini dijalankan untuk:

1. Mengenalpasti kaedah pembelajaran Akidah yang digunakan oleh pelajar
2. Mengenalpasti tahap penghayatan Akidah dalam kalangan pelajar
3. Mengenalpasti perbezaan faktor demografi antara kaedah pembelajaran Akidah dan penghayatan Akidah pelajar
4. Mengenalpasti hubungan diantara kaedah pembelajaran Akidah dengan penghayatan Akidah dalam kehidupan pelajar

1.5 Persoalan Kajian

Persoalan kajian yang ingin dijawab bagi mencapai tujuan dan objektif kajian ini seperti berikut:

1. Apakah kaedah pembelajaran Akidah yang digunakan oleh pelajar?
2. Apakah tahap penghayatan Akidah dalam kalangan pelajar?
3. Adakah terdapat perbezaan faktor demografi antara kaedah pembelajaran Akidah dan penghayatan Akidah pelajar?





4. Adakah terdapat hubungan diantara kaedah pembelajaran Akidah dengan penghayatan Akidah?

1.6 Hipotesis Kajian

Hipotesis kajian ini dapat dinyatakan seperti berikut:

- Ho1 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kaedah pembelajaran Akidah dan penghayatan Akidah dalam kalangan pelajar berdasarkan jantina.
- Ho2 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kaedah pembelajaran Akidah dan penghayatan Akidah dalam kalangan pelajar berdasarkan tempat tinggal.
- Ho3 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kaedah pembelajaran Akidah dan penghayatan Akidah dalam kalangan pelajar berdasarkan keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dalam matapelajaran Pendidikan Syariah Islamiah, Pendidikan Al-Quran Dan Al-Sunnah Dan Tasawwur Islam.
- Ho4 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kaedah pembelajaran Akidah dan penghayatan Akidah dalam kalangan pelajar berdasarkan minat pelajar dalam matapelajaran Akidah.
- Ho5 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap penghayatan Akidah dan penghayatan Akidah dalam kalangan pelajar berdasarkan dorongan ahli keluarga dalam melaksanakan penghayatan Akidah dalam kehidupan seharian.
- Ho6 Tiada hubungan yang signifikan di antara kaedah pembelajaran Akidah dan penghayatan Akidah dalam kalangan pelajar





1.7 Kerangka Teori Kajian

Teori merupakan pengetahuan ilmiah yang penjelasan mengenai suatu bidang kajian tertentu dari disiplin ilmu yang benar berdasarkan hasil penelitian yang mendalam. Dalam pendidikan, teori merupakan landasan kepada sesebuah kajian. Teori perlulah berkaitan dengan kajian yang dijalankan. (SHolichah, 2018)


Kajian ini telah mengadaptasi model pembelajaran iaitu model pendidikan Ibnu Khaldun yang akan digunakan sebagai panduan untuk kajian ini. Ia juga digunakan sebagai landasan untuk pemilihan kaedah pembelajaran untuk membangunkan model kaedah pembelajaran berdasarkan pendekatan Ibnu Khaldun dalam proses pendidikan untuk matapelajaran Akidah. Berpandukan kepada model pendidikan Ibnu Khaldun, maka terbentuknya model yang diberi nama “model kaedah pembelajaran Akidah Ibnu Khaldun”.

Ibnu Khaldun dalam kitabnya al-Muqaddimah menjelaskan teori bermaksud suatu pandangan. Hal ini dapat disimpulkan teori membawa maksud suatu pendapat yang praktikal membantu menjadi dasar yang boleh dibuktikan dengan kajian ilmiah (Darusalam G. b., 2009). Disamping itu juga Ibnu Khaldun berpandangan faktor psikologis mempengaruhi proses pembelajaran. Sebagai contoh faktor psikologis yang terkenal dalam proses pembelajaran adalah berpikir. Justeru itu, Ibnu Khaldun mengajukan dua konsep belajar iaitu *malakah* dan *tadrij*. Proses pembelajaran *malakah* bermaksud satu tahap pencapaian (*achievement*) dari pemahaman suatu ilmu pengetahuan, kemahiran, dan perbuatan tertentu yang diperoleh dari hasil pembelajaran secara sistematik. Manakala proses pembelajaran *tadrij* merupakan pembelajaran yang efektif yang dilakukan secara beransur-ansur, tahap demi tahap, dan sistematik disesuaikan dengan tahap perkembangan akal manusia (Anwar, 2008).

Disamping itu, Ibnu Khaldun juga telah menyentuh dalam karyanya berkaitan kaedah yang perlu digunakan dalam proses pembelajaran dalam semua bidang ilmu (Mohd Zahirwan Halim Zainal Abidin, 2017). Justeru, kaedah yang boleh digunakan boleh diambil dari pendekatan yang telah dinyatakan oleh beliau. Hal ini kerana ia dibincangkan dengan terperinci dan sesuai untuk diaplikasikan serta diubah suai dalam



kajian ini. Antara kaedah pendidikan yang telah dijelaskan oleh Ibnu Khaldun dalam penulisan beliau adalah seperti berikut:



Rajah 1.1. Model Kaedah Pembelajaran Akidah Ibnu Khaldun

Perbahasan mengenai kaedah pembelajaran juga terdapat dalam kitab *Muqaddimah*. Menurut Ibnu Khaldun, terdapat beberapa kaedah pembelajaran yang perlu dikuasai dalam suatu pendidikan. Antaranya kaedah bertahap (*tadarruj*). Suatu pendidikan perlu dilakukan secara bertahap, beransur-ansur dan sedikit demi sedikit. Dengan memulakan pembelajaran oleh permasalahan dalam suatu bidang ilmu adalah proses yang pertama perlu dilakukan oleh pelajar mahupun pengajar itu sendiri. Pada tahap pertama, pendekatan pemahaman, penjelasan secara menyeluruh pada satu bab perbahasan. Tujuan pendekatan ini digunakan agar pelajar dapat memahami kehendak ilmu yang dipelajari dan mampu merungkaikan permasalahan yang dibahaskan. Oleh itu, kaedah pembelajaran yang berpandukan kepada kaedah tadrij ini sesuai digunakan dengan melihat keadaan psikologi manusia, iaitu sukar menerima ilmu pengetahuan secara sekaligus dalam kuantiti yang banyak, tetapi digunakan sedikit demi sedikit dan beransur-ansur (Unsi, 2018). Kaedah ini juga sangat sesuai digunakan dalam proses pembelajaran Akidah bagi memahami setiap perkara yang dibincangkan dalam Akidah seperti ketuhanan, kerasulan dan sam'iyat.

Kaedah pembelajaran seterusnya yang dibahaskan oleh Ibnu Khaldun adalah kaedah pengulangan (*Tikrar*). Hal ini demikian, melihat kepada pelajar yang tidak boleh memahami suatu pelajaran pada peringkat pertama mahupun kedua, ia di nasihatkan supaya mengulanginya semula bagi tujuan penguasaan suatu bidang ilmu. Sebagai persediaan mendalami ilmu pengetahuan langkah pengulangan pada




kebiasaannya dilakukan tidak lebih dan tidak kurang sebanyak tiga kali (Mohd Zahirwan Halim Zainal Abidin, 2017). Kaedah ini juga sesuai digunakan dalam pembelajaran Akidah untuk memudahkan pelajar memahaminya kerana Akidah itu merupakan satu hubungan di antara makhluk dan penciptanya, yang bersangkutan rapat perihal hati dan jiwa (Zin, 1998).

Seterusnya kaedah latihan (*Tadrib*). Ibnu Khaldun juga menganjurkan untuk menggunakan kaedah ini selepas melalui proses pemahaman ilmu dilakukan. Oleh itu, kemahiran dan penguasaan akan terbentuk dengan pemahaman dikuatkan lagi dengan latihan yang dilakukan bagi memantapkan lagi ilmu yang diterima (Unsi, 2018). Selari dengan pendidikan Akidah yang memerlukan pemahaman dalam penguasaan dan pemantapan ilmu tersebut dalam diri setiap pelajar seterusnya menimbulkan penghayatan dalam kehidupan pelajar. Latihan yang berterusan dan konsisten dapat memberikan potensi kepada pelajar untuk berjaya sekaligus meningkatkan pengetahuan pelajar tentang sesuatu perkara. Ia juga mampu meningkatkan pembangunan jasmani dan rohani pelajar. Selain itu, latihan yang berterusan juga mampu memantapkan pengetahuan pelajar terhadap ilmu yang dipelajari.

1.8 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual kajian ini berpandukan objektif kajian iaitu mengenalpasti kaedah pembelajaran Akidah yang digunakan oleh pelajar, menilai tahap penghayatan Akidah di kalangan pelajar dan meneroka faktor demografi yang mempengaruhi penghayatan Akidah pelajar serta menerangkan hubungan diantara kaedah pembelajaran Akidah dengan penghayatan Akidah dalam kehidupan pelajar. Dengan merujuk teori kaedah pembelajaran Akidah Ibnu Khaldun sebagai asas kepada kaedah pembelajaran Akidah pelajar pada masa kini. Seterusnya, bagaimana pelajar mengaplikasi teori kaedah pembelajaran Akidah Ibnu Khaldun seterusnya diselarikan dengan sumber rukun iman dalam penghayatan Akidah menjadi kerangka teoritikal dalam kajian ini.





Rajah 1.2. Kerangka Konseptual Kajian

1.9 Definisi Operasional

1.9.1 Kaedah Pembelajaran

Kaedah pembelajaran merupakan salah satu cara untuk mencapai kehendak sesuatu pendidikan. Dalam pendidikan Akidah, pembelajaran yang berkesan bukan saja mendapat ilmu pengetahuan, bahkan mampu meningkatkan penghayatan dalam kehidupan seharian umat manusia. Pembelajaran Akidah penting sebagai usaha penerapkan nilai kepercayaan dan keyakinan yang teguh terhadap agama Islam. (Makhtar, 2017)

Proses penghayatan menjadi lebih cepat dan berkesan dengan penglibatan pelajar dalam suatu pembelajaran. Pelajar juga dapat meningkatkan kemahiran belajar mereka



kerana ia melibatkan kemahiran seperti kemahiran social dan kematangannya serta perkembangan peribadi. (Salleh, 2013)

Dalam kajian ini kaedah pembelajaran akidah yang dipilih terdiri daripada kaedah bertahap (*Tadarruj*) iaitu berperingkat-peringkat dan beransur-ansur. Seterusnya, kaedah pengulangan (*Tikrar*) iaitu ulangan berkali-kali. Akhir sekali, kaedah latihan (*Tadrib*) iaitu melakukan aktiviti-aktiviti secara praktikal.

1.9.2 Penghayatan Akidah

Penghayatan merupakan kesungguhan seseorang dalam melakukan sesuatu perkara. Dalam konteks pembelajaran Akidah, ilmu yang diperolehi perlu kepada penghayatannya dalam kehidupan. Pelajar bukan sahaja perlu mempelajari Akidah, tetapi mengamalkan apa yang dipelajari mereka dalam kehidupan bagi meningkatkan sahsiah diri pelajar.



Penghayatan Akidah yang ingin ditekankan dalam kajian ini adalah dari aspek kefahaman, perasaan dan amalan. Dalam mempelajari Akidah, pelajar seharusnya memahami dan menghayati ilmu tersebut dan menerapkannya dalam diri. Contohnya, terdapat dua langkah dalam memelihara agama berdasarkan *maqasid al-syari'ah* iaitu, memastikan kewujudan amalan beragama, pelaksanaan segala amalan Islam melalui dakwah serta membanteras penyelewengan Akidah Islam melalui *amar makruf nahi munkar*, menghapuskan bid'ah, mencegah murtad dan berjihad di jalan Allah SWT (Sulong, 2016).

Penghayatan akidah dalam kajian ini memfokuskan kepada enam rukun iman yang wajib kita percaya iaitu beriman kepada Allah, beriman kepada malaikat, beriman kepada rasul, beriman kepada kitab, beriman kepada hari kiamat dan beriman kepada qadak dan qadar.



1.9.3 Pelajar Tingkatan Enam SMKA

Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) adalah sasaran oleh pihak Institusi Pengajian Tinggi (IPT) bagi menyambung pengajian khususnya dalam bidang pengajian Islam terutamanya kepada pelajar tingkatan enam. Untuk mengukuhkan lagi hasil kajian ini pelajar tingkatan enam SMKA telah dipilih kerana mereka merupakan golongan yang lama mempelajari Akidah daripada awal pendidikan mereka sebelum mereka memasuki kealam institusi pengajian tinggi.

Penubuhan SMKA di hampir setiap negeri di Malaysia juga menunjukkan tanggungjawab kerajaan bagi memastikan penglibatan rakyat kepada pendidikan agama termasuk masyarakat di pedalaman. Sekolah-sekolah SMKA hanya melibatkan pelajar bermula dari tingkatan satu sehingga tingkatan enam. Segala urusan dan keperluan bagi SMKA diuruskan melalui kementerian pelajaran negara dan negeri. Terdapat pelbagai subjek yang ditawarkan kepada pelajar SMKA termasuklah subjek Sejarah, Matematik, Sains dan sebagainya. Bagaimanapun, subjek agama sangat ditekankan kepada pelajar SMKA, antaranya subjek Pendidikan Islam, Bahasa Arab, Pendidikan Syariah dan banyak lagi.

1.10 Batasan Kajian

Batasan kajian ini merangkumi perkara berikut:

1. Kajian ini hanya melibatkan pelajar tingkatan enam aliran agama di dua buah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) di Negeri Perak.
2. Kajian ini tidak menumpukan kepada keseluruhan aspek pengajian Akidah tetapi hanya merujuk kepada silibus berpanduan Majlis Pelajaran Malaysia (MPM) serta penambahan beberapa asas pendidikan Akidah selaras dengan isu-isu Akidah di Malaysia.



1.11 Kepentingan Kajian

Pelajar Tingkatan Enam SMKA merupakan pelajar yang belajar dalam bidang agama seperti Bahasa Arab, Usuluddin dan Syariah yang bakal memasuki ke alam universiti. Dalam mendepani era globalisasi dan industri 4.0 ini negara memerlukan golongan-golongan dalam bidang agama ini dalam membentuk suatu masyarakat yang membawa Akidah yang benar. Kerjasama daripada tenaga pengajar, ibu bapa, masyarakat dan negara juga memainkan peranan yang penting dalam pembentukan Akidah pelajar khusus dari sudut penghayatan. Melihat kepada bidang pengajian Akidah itu sendiri sebagai suatu usaha bagi mengukuhkan dan memantapkan lagi Akidah Islamiyah di Malaysia.

Antara kepentingan kajian ini juga termasuklah membuka minda pembaca dengan memperlihatkan kepentingan kaedah pembelajaran dalam kalangan pelajar. Hal ini kerana dengan mempraktikkan kaedah pembelajaran yang berkesan dalam meningkatkan kefahaman dan kualiti ilmu yang pelajar perolehi.



Selain itu, dalam aspek penghayatan akidah pula kajian ini penting untuk melihat sejauh mana tahap penghayatan akidah pelajar yang bakal menamatkan fasa persekolahan. Hal ini kerana apabila mereka sudah keluar daripada alam persekolahan, mereka akan terdedah dengan pelbagai jenis pemikiran terutamanya dalam aspek akidah. Jika tahap penghayatan akidah pelajar tinggi maka kehidupan yang bakal mereka jalani di kemudian hari nanti tidak mudah terpesong.



1.12 Rumusan

Bab ini membincangkan tentang pendahuluan, latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, soalan kajian, hipotesis kajian, kerangka teori kajian, kerangka konseptual kajian, kepentingan kajian, definisi operasional dan batasan kajian.

Kajian ini menunjukkan kaedah pembelajaran Akidah dan penghayatan Akidah di kalangan pelajar tingkatan enam di SMKA di negeri Perak. Hasil daripada kajian ini juga dapat membantu memperlihatkan sejauh mana penghayatan Akidah pelajar seterusnya dapat dimanfaatkan dalam menghadapi cabaran hidup pada masa akan datang. Pelajar juga perlu memantapkan asas-asas Akidah di dalam diri demi meningkatkan mutu insaniah dalam kehidupan seharian. Kajian ini penting dari sudut pemantapan Akidah dari segi penghayatan bagi mengelakkan amalan yang menyeleweng dari Akidah Islam. Dalam aspek kaedah pembelajaran juga memainkan peranan yang penting terhadap pelajar kerana ia adalah salah satu cara mengenalpasti sejauh mana potensi pelajar dalam mencapai sesuatu ilmu pengetahuan.